

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapakah keharuman nama baik negara Malaysia mulai merosot di luar negara berbanding keharuman dan kemasyhuran pada zaman Perdana Menteri Keempat dahulu dan usaha yang dibuat untuk mengembalikan kegemilangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bintang atas pertanyaan yang dikemukakan dan minat mendalam beliau ke atas isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, pengendalian hubungan luar Malaysia dengan negara lain serta badan antarabangsa sememangnya menjadi tanggungjawab Kementerian Luar Negeri seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Matlamat asas di dalam penjalinan hubungan tersebut adalah,

antara lainnya, untuk menjaga nama baik negara di dalam semua perkara baik yang menyentuh soal politik, ekonomi mahu pun sosio-budaya.

3. Sejauh mana kebenaran persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang pada hemat saya banyak bergantung pada persepsi seseorang. Apa yang dapat dikatakan adalah setiap tempoh pentadbiran oleh setiap Perdana Menteri adalah cukup berbeza dan pencapaian yang dibuat sepanjang tempoh pentadbiran itu banyak bergantung kepada pelbagai faktor yang wujud dengan izin, *prevailing factors* yang berlaku pada masa tersebut. Sebagai contoh, sewaktu era pentadbiran oleh YAB Perdana Menteri Keempat, keadaan ekonomi Malaysia dan global ketika itu sedang memuncak terutamanya di era 90an. Begitu juga dengan kestabilan politik di dalam negara yang cukup terkawal. Persekitaran yang kondusif itu telah memungkinkan Malaysia untuk mencapai pelbagai kejayaan di dalam pelbagai bidang apatah lagi suara Malaysia begitu lantang sekali memperjuangkan isu-isu sejangat seperti pengukuhan Kerjasama Selatan-Selatan, pemeliharaan benua Antartika sebagai warisan sejangat untuk semua dan keupayaan Malaysia untuk menjadi Pengerusi kepada dua pertubuhan antarabangsa yang besar iaitu Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan juga Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

4. Namun, keupayaan negara-negara membangun seperti Malaysia untuk membentuk wacana di persada antarabangsa telah sedikit sebanyak terjejas akibat pertelingkahan di antara kuasa-kuasa besar yang semakin genting sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam erti lain, persaingan geopolitik, ekonomi dan keselamatan yang begitu sengit, yang dirumitkan lagi dengan kerenah segelintir pemimpin negara luar, telah melunturkan peranan serta keberkesanan pertubuhan antarabangsa dan serantau apabila terdapat beberapa kuasa besar yang lebih gemar untuk bertindak secara satu pihak, atau dengan izin, *unilaterally*, dalam menangani isu-isu global. Walau bagaimanapun, dalam keadaan ini, Malaysia masih kekal komited dalam memperjuangkan perihal sejangat, terutamanya yang berkait rapat dengan kepentingan negara.

5. Di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri yang lain pula, Malaysia telah meneruskan kelangsungan legasi yang tercipta sebelum itu dengan secara berterusan menonjolkan diri di pentas antarabangsa dan serantau melalui peranan proaktif yang dimainkan di dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa dan serantau. Sebagai contoh, pemilihan Malaysia sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk penggal 2015 – 2016 serta peranan sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015 yang telah membentuk Komuniti ASEAN 2015 merupakan antara pencapaian yang patut dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia. Terkini, Malaysia baru sahaja dipilih sebagai Anggota Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) bagi tempoh 2022 – 2024 sewaktu undian dibuat di New York pada 14 Oktober 2021 yang lalu.

6. Malah, Malaysia juga aktif melibatkan diri dalam isu-isu yang menjadi trend semasa atau futuristik di mana masih belum terbentuk lagi norma atau peraturan jelas terhadapnya bagi memastikan negara tidak ketinggalan dalam perihal ini. Seperti contoh, Malaysia, menerusi CyberSecurity Malaysia, telah berjaya dipilih sebagai Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pemandu kepada Pasukan Tindakbalas Kecemasan Komputer Asia Pasifik, atau dengan izin, *Asia Pacific Computer Emergency Response Team (APCERT)*, pada 29 September 2021 yang lalu. Kejayaan ini menandakan keupayaan Malaysia untuk kekal relevan dan proaktif dalam membentuk wacana dalam isu-isu sebegini.

7. Di samping itu, penyenaiaan Malaysia di dalam pelbagai *ranking* antarabangsa yang agak tinggi perlu diambil kira di dalam mengukur keharuman dan kemasyhuran negara di pentas dunia. Sebagai contoh, pada tahun 2020, Malaysia telah ditempatkan di tempat ke 12 dari 190 buah negara melalui Indeks *Ease of Doing Business* oleh *The World Bank*. Selain itu, Malaysia berada di kedudukan 5 daripada 182 negara dari segi *Global Cybersecurity Index*.

8. Dari sudut hubungan dua hala pula, Malaysia telah berjaya menjalinkan hubungan diplomatik yang lebih erat dengan beberapa buah

negara dengan termerainya perjanjian dua hala untuk meningkatkan tahap hubungan semasa ke tahap dengan izin "*Comprehensive Strategic Partnership*" di mana ia menjadi perlambangan imej Malaysia yang positif di mata rakan negara yang lain kerana peningkatan ke tahap itu hanya akan terjadi apabila sesebuah negara itu dipandang tinggi dan dilihat sebagai rakan yang mempunyai kredibiliti tersendiri oleh negara lain.

9. Justeru, pernyataan yang mengatakan nama baik negara merosot pada ketika ini adalah tidak tepat. Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, ia merupakan persepsi semata-mata. Suka juga ingin menyatakan di sini bahawa usaha untuk menjaga dan meningkatkan nama baik serta reputasi Malaysia tidak terletak di tangan Kerajaan semata-mata. Setiap rakyat Malaysia, tidak mengira darjat atau pun pangkat, turut mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk meningkat serta mempertahankan nama baik negara di setiap kesempatan dan peluang yang ada.

10. Yang Berhormat Bukit Bintang juga boleh memainkan peranan yang penting ini dengan turut sama-sama menyumbang ke arah mempertahankan maruah dan reputasi Malaysia di peringkat antarabangsa. Sebarang perbuatan oleh pihak-pihak tertentu sama ada atas dasar persendirian atau melalui pertubuhan yang cuba memburukkan Malaysia melalui pelbagai kempen negatif baik di dalam mahu pun di luar negara wajib dikecam.

11. Kementerian Luar Negeri termasuk 107 Pejabat Perwakilan Diplomatiknya di seluruh dunia juga akan terus menjalankan usaha dalam memastikan Malaysia dapat terus memainkan peranan yang aktif dalam menyumbang kepada kesejahteraan serta keselamatan serantau dan antarabangsa yang sekaligus dapat meningkatkan nama baik dan reputasi negara

Sekian, terima kasih.